



PENGURUSAN GURU TAHFIZ DALAM PENGAJARAN
HAFAZAN AL-QURAN : KAJIAN DI SEKOLAH
TAHFIZ KERAJAAN DAN SWASTA
DI NEGERI SEMBILAN

TENGGU NUR TASNIM BINTI TENGGU RIDUAN



UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020





PENGURUSAN GURU TAHFIZ DALAM PENGAJARAN HAFAZAN
AL-QURAN : KAJIAN DI SEKOLAH TAHFIZ KERAJAAN
DAN SWASTA DI NEGERI SEMBILAN

TENGGU NUR TASNIM BINTI TENGGU RIDUAN



DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020



**Sila tanda (✓)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja

Kursus

Doktor Falsafah

✓

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat **SELASA 13 OKTOBER 2020**.

i. Perakuan pelajar:

Saya **TENGKU NUR TASNIM BT TENGKU RIDUAN (M20182001830)** **FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN** dengan ini mengaku bahawa disertasi yang bertajuk **PENGURUSAN GURU TAHFIZ DALAM PENGAJARAN HAFAZAN AL-QURAN : KAJIAN DI SEKOLAH TAHFIZ KERAJAAN DAN SWASTA DI NEGERI SEMBILAN** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

.....

Tandatangan pelajar

ii Perakuan Penyelia:

Saya **DR. MOHAMAD MARZUQI BIN ABDUL RAHIM** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **PENGURUSAN GURU TAHFIZ DALAM PENGAJARAN HAFAZAN AL-QURAN : KAJIAN DI SEKOLAH TAHFIZ KERAJAAN DAN SWASTA DI NEGERI SEMBILAN** dihasilkan seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Fakulti Sains Kemanusiaan bagi memperolehi sebahagian syarat untuk memperolehi **IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN ISLAM)**.

.....

Tarikh

.....

Tandatangan Penyelia





**INSTITUT PENGAJIAN
SISWAZAH /
INSTITUTE OF
GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title:

No. Matrik / *Matric's No.*:

Saya / I :

(Nama pelajar / *Student's Name*)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below:-*

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☐ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ *Signature*)

(Tandatangan Penyelia / *Signature of Supervisor*)
& (Nama & Cop Rasmi / *Name & Official Stamp*)

Tarikh: _____

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T dengan izinya, kajian ini telah berjaya disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada pihak yang membantu menjayakan kajian saya sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Dengan hati yang tulus ikhlas, saya ingin merakamkan ucapan jutaan penghargaan dan terima kasih tidak terhingga kepada Dr. Mohamad Marzuqi bin Abdul Rahim yang bertindak sebagai pensyarah penyelia dan penasihat saya dalam usaha menyiapkan kajian ini. Terima kasih atas segala bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan sepanjang tempoh pelaksanaan kajian ini. Terima kasih juga kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan, serta sekolah tahfiz dan swasta di Negeri Sembilan yang banyak memberi kerjasama dalam menjalankan kajian ini.

Penghargaan ini juga ditujukan kepada keluarga tercinta, kedua ibu bapa, adik beradik dan sahabat handai atas kerjasama serta sokongan padu yang diberikan. Akhir kata sekalung terima kasih buat semua yang terlibat dalam membantu menjayakan kajian ini.

Moga Allah SWT memberikan ganjaran sewajarnya atas kebaikan anda semua.



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengurusan guru tahfiz dalam pengajaran hafazan Al-Quran di sekolah tahfiz kerajaan dan swasta di Negeri Sembilan. Model pengurusan oleh Henry Fayol telah digunakan dalam kajian ini sebagai kerangka teoritikal yang terdiri daripada elemen perancangan, pengelolaan, pengarahan, penyelarasan, dan pengawalan. Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan. Instrumen kajian terdiri daripada satu set soal selidik dan protokol temu bual. Instrumen kajian telah disahkan oleh empat orang pakar dalam bidang. Kebolehpercayaan instrumen pula telah diukur dengan menggunakan pekali Alpha Cronbach $\alpha = 0.89$. Ini menunjukkan nilai kebolehpercayaan soal selidik mempunyai ketekalan yang tinggi. Instrumen soal selidik ditadbir kepada pelajar manakala protokol temu bual diberi kepada guru. Seramai 335 orang pelajar Tahfiz daripada empat buah sekolah agama (2 buah Sekolah Agama Kerajaan dan 2 buah Sekolah Agama Swasta) telah dipilih secara rawak untuk menjawab soal selidik. Manakala empat orang guru tahfiz dipilih secara bertujuan untuk ditemu bual menggunakan protokol temu bual separa berstruktur. Data kajian telah dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferens seperti kekerapan, peratus, min, sisihan piawai, ujian-t dan korelasi Pearson. Dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhannya, pelajar tahfiz percaya ($M=4.12$, $SP=0.45$) bahawa pengurusan guru tahfiz dalam kelas hafazan adalah baik. Mereka juga bersetuju bahawa guru mereka merancang ($M=3.98$, $SP=0.43$), mengelola ($M=3.93$, $SP=0.53$), mengarah ($M=4.27$, $SP=0.54$) menyelaraskan ($M=3.99$, $SP=0.56$), dan mengawal ($M=4.42$, $SP=0.85$) aktiviti dalam kelas hafazan dengan baik. Data kualitatif daripada temu bual dengan empat orang guru Tahfiz mendapati beberapa tema telah muncul. Tema-tema tersebut seperti cabaran dalam melengkapkan silibus, cabaran pelajar dalam melengkapkan hafazan, dan cabaran mengenai disiplin pelajar. Data kualitatif ini menyokong data kuantitatif daripada soal selidik. Hasil ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara pengurusan guru tahfiz di sekolah kerajaan dan swasta dalam aspek perancangan [$t(333) = 3.02$, $p < 0.05$]. Berdasarkan perspektif pelajar, dapatan korelasi *Pearson* secara keseluruhan menunjukkan terdapat hubungan signifikan yang tinggi ($r=0.73$, $p < 0.01$) di antara pengurusan guru tahfiz di dalam kelas hafazan dengan penguasaan hafazan pelajar. Kesimpulannya, daripada perspektif pelajar, pengurusan guru tahfiz di sekolah kerajaan dan swasta adalah baik dalam aspek pengarahan dan pengawalan tetapi menghadapi masalah dalam aspek perancangan, pengelolaan dan penyelarasan. Implikasi kajian menunjukkan bahawa guru tahfiz perlulah meningkatkan kemahiran dalam mengurus, mengelola, dan merancang bilik darjah bagi memastikan pengajaran berlaku dengan lebih sistematik dan terancang. Di samping itu, KPM seharusnya memberikan latihan perkembangan profesional untuk membantu guru tahfiz meningkatkan tahap profesionalisme terutama dalam bidang pengurusan pengajaran.



THE MANAGEMENT OF TAHFIZ TEACHERS IN QURAN MEMORIZATION TEACHING AT GOVERNMENT AND PRIVATE TAHFIZ SCHOOLS IN NEGERI SEMBILAN.

ABSTRACT

The purpose of this study was to identify tahfiz teachers management in Quranic memorization teaching at government and private tahfiz schools in Negeri Sembilan. This study used management model by Henry Fayol as a theoretical framework which is consisting of planning, organising, commanding, coordinating, and controlling. This research used survey design. The research instruments consisted of a set of questionnaires and an interview protocol. The instrument was validated by four experts in the field. The reliability of the instrument was measured by Cronbach Alpha coefficient $\alpha = 0.89$ which showed the questionnaire possessed a relatively high internal consistency. The questionnaires were administered to students while the interview protocols were given to the teachers. A total of 335 students from 2 government and 2 private schools were randomly selected to answer the questionnaires. Four teachers from the tahfiz schools were also randomly selected to answer the semi-structured interviews. The data were analyzed using descriptive and inferential statistics such as frequency, percentages, mean, standard deviation, t-test and Pearson correlation. Overall, the findings showed that the tahfiz students believed ($M=4.12$, $SD = 0.45$) that the tahfiz teachers management in Quranic memorization class was good. They also agreed that their teachers have planned ($M = 3.98$, $SD = 0.43$), organised ($M = 3.93$, $SD = 0.53$), directed ($M = 4.27$, $SD = 0.54$), coordinated ($M = 3.99$, $SD = 0.56$), and controlled (Mean = 4.42, $SD = 0.85$) the memorization lesson well. There were three emerging themes discovered from the interviews which were the challenge in completing the syllabus, the challenge in completing the memorization, and the students' disciplinary problems. The questionnaire data were in support of the qualitative data. The result of the t-test showed that there was a significant difference regarding the management of the tahfiz schools between the teachers in government and private schools [$t(333) = 3.02$, $p < 0.05$]. Based on the students' perception, the *Pearson* correlation revealed that there was a significant relation between the tahfiz teachers management in memorization classes and the students' memorization achievement with ($r = 0.73$, $p < 0.01$). In conclusion, based on students' perspective, the tahfiz teachers management in government and private schools were good in terms of directing and controlling but have problems in terms of planning, organising and coordinating. In implication, this study shows that tahfiz teachers need to have skills in management, organising and planning the classroom to ensure teaching activities run systematically and well-planned. In addition, KPM should provide professional development training to assist tahfiz teachers to improve their level of professionalism, especially in managing teaching.

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi

BAB I PENGENALAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	6
1.4 Objektif Kajian	9
1.5 Persoalan Kajian	9
1.6 Hipotesis Kajian	10
1.7 Kerangka Teori Kajian	12
1.8 Kerangka Konseptual Kajian	14
1.9 Kepentingan Kajian	15
1.10 Limitasi Kajian	15
1.11 Definisi Operasi Kajian	16

1.12 Rumusan	18
--------------	----

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	20
2.2 Pengurusan	21
2.3 Sejarah Pengurusan	22
2.4 Islam dan Pengurusan	26
2.5 Peranan	27
2.6 Elemen Pengurusan	29
2.6.1 Pengurusan Pengajaran	29
2.6.2 Pengurusan Masa	31
2.6.3 Pengurusan Bilik Darjah	33
2.7 Aspek-Aspek Pengurusan berdasarkan Teori Henry Fayol	35
2.7.1 Perancangan	36
2.7.2 Pengelolaan	38
2.7.3 Pengarahan	40
2.7.4 Penyelarasan	42
2.7.5 Pengawalan	43
2.8 Penguasaan	45
2.9 Kaedah Hafazan	46
2.9.1 Tasmik	46
2.9.2 Tulisan Ayat	46
2.9.3 Semakan dengan kawan	47
2.9.4 Kelas Tajwid	47
2.9.5 Murajaah	48
2.9.6 Menggunakan Bahan Bantu Teknologi	48
2.9.7 Peperiksaan Hafazan	49
2.10 Kajian-kajian lepas	50

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	55
3.2	Reka Bentuk Kajian	56
3.3	Lokasi Kajian	57
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	57
3.5	Instrumen Kajian	58
3.5.1	Soal Selidik	58
3.5.2	Temu Bual	59
3.6	Kesahan Instrumen Kajian	60
3.7	Kajian Rintis	61
3.8	Kebolehpercayaan Instrumen	62
3.9	Tatacara Pengumpulan Data	64
3.10	Tatacara Penganalisaan Data	65
3.11	Analisis Data	65
3.11.1	Analisis Data Deskriptif	65
3.11.2	Analisis Data Inferensi	66
3.12	Penutup	68

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	69
4.2	Profil Sampel	70
4.2.1	Latar Belakang Demografi	70
4.3	Analisis Dapatan Deskriptif	71
4.3.1	Pengurusan guru tahfiz di dalam kelas hafazan	71
4.3.1.1	Perancangan	72
4.3.1.2	Pengelolaan	74
4.3.1.3	Pengarahan	77



4.3.1.4	Penyelarasan	80
4.3.1.5	Pengawalan	82
4.3.2	Penguasaan Hafazan Pelajar	86
4.3.2.1	Penguasaan Hafazan Pelajar	86
4.4	Analisis Dapatan Inferensi	88
4.4.1	Analisis Perbezaan Pengurusan Guru Tahfiz di dalam Kelas Hafazan Berdasarkan Jenis Sekolah	88
4.4.1.1	Perbezaan Skor Min Pengurusan guru tahfiz di dalam kelas hafazan dari aspek perancangan Berdasarkan Jenis Sekolah	89
4.4.1.2	Perbezaan Skor Min Pengurusan guru tahfiz di dalam kelas hafazan dari aspek pengelolaan Berdasarkan Jenis Sekolah.	90
4.4.1.3	Perbezaan Skor Min Pengurusan guru tahfiz di dalam kelas hafazan dari aspek pengarahannya Berdasarkan Jenis Sekolah	91
4.4.1.4	Perbezaan Skor Min Pengurusan guru tahfiz di dalam kelas hafazan dari aspek pengarahannya Berdasarkan Jenis Sekolah	92
4.4.1.5	Perbezaan Skor Min Pengurusan guru tahfiz di dalam kelas hafazan dari aspek pengawalan Berdasarkan Jenis Sekolah.	93
4.4.2	Analisis Hubungan Pengurusan guru tahfiz di dalam kelas hafazan	94
4.4.2.1	Hubungan Antara Pengurusan guru tahfiz di dalam kelas hafazan dengan Tahap Penguasaan Hafazan Pelajar	94
4.5	Dapatan Kualitatif	96
4.5.1	Demografi Responden	96
4.5.2	Analisis Data Temu Bual Guru	96
4.5.2.1	Pengurusan guru tahfiz di dalam kelas	96



hafazan

4.6	Rumusan	109
-----	---------	-----

BAB 5 PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	110
5.2	Ringkasan Kajian	111
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	113

5.3.1	Analisis Deskriptif	113
-------	---------------------	-----

5.3.1.1	Pengurusan Guru Tahfiz Di Dalam Kelas Hafazan	113
---------	---	-----

5.3.1.2	Penguasaan Hafazan Pelajar	118
---------	----------------------------	-----

5.3.2	Analisis Inferensi	119
-------	--------------------	-----

5.3.2.1	Analisis Perbezaan	119
---------	--------------------	-----

a.	Perbezaan pengurusan guru tahfiz di dalam kelas hafazan dari aspek perancangan berdasarkan jenis sekolah.	119
----	---	-----

b.	Perbezaan pengurusan guru tahfiz di dalam kelas hafazan dari aspek pengelolaan berdasarkan jenis sekolah.	120
----	---	-----

c.	Perbezaan pengurusan guru tahfiz di dalam kelas hafazan dari aspek pengarahannya berdasarkan jenis sekolah.	120
----	---	-----

d.	Perbezaan pengurusan guru tahfiz di dalam kelas hafazan dari aspek penyelarasan berdasarkan jenis sekolah.	121
----	--	-----

e.	Perbezaan pengurusan guru tahfiz di dalam kelas hafazan dari aspek	121
----	--	-----

pengawalan berdasarkan jenis sekolah.

5.3.2.2	Analisis Hubungan	122
a.	Hubungan antara pengurusan guru tahfiz di dalam kelas hafazan dengan penguasaan hafazan pelajar tahfiz.	122
5.4	Rumusan Kajian	123
5.4.1	Rumusan Pengurusan guru tahfiz di dalam kelas hafazan	123
5.4.2	Rumusan Penguasaan Hafazan Pelajar	124
5.5	Implikasi Kajian	125
5.6	Cadangan Kajian	126
5.7	Kajian Lanjutan	127
5.8	Penutup	127
RUJUKAN		130
LAMPIRAN		137



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1	Jumlah Pelajar Sekolah Tahfiz Kerajaan dan Swasta 57
3.2	Skala Likert 59
3.3	Senarai Pakar 60
3.4	Klasifikasi Indeks Kebolehpercayaan 63
3.5	Nilai Pekali Kebolehpercayaan Alpha Cronbach bagi Setiap Konstruk 63
3.6	Nilai Pekali Kebolehpercayaan Alpha Cronbach bagi Setiap Item 64
3.7	Purata Skor min dan Kategori bagi setiap bahagian 66
3.8	Nilai pekali korelasi 67
4.1	Profil Sampel Mengikut Jenis Sekolah 70
4.2	Profil Sampel Mengikut Jantina 70
4.3	Profil Sampel Mengikut Tingkatan 71
4.4	Perancangan 72
4.5	Pengelolaan 74
4.6	Pengarahan 77
4.7	Penyelarasan 80
4.8	Pegawalan 82
4.9	Perbandingan min pengurusan guru tahfiz di dalam kelas hafazan 85
4.10	Penguasaan Hafazan Pelajar 86
4.11	Ujian-t perbezaan skor min pengurusan guru tahfiz di dalam kelas hafazan bagi aspek perancangan berdasarkan jenis sekolah. 89
4.12	Ujian-t perbezaan skor min pengurusan guru tahfiz di dalam kelas hafazan bagi aspek pengelolaan berdasarkan jenis sekolah 90
4.13	Ujian-t perbezaan skor min pengurusan guru tahfiz di dalam kelas hafazan bagi aspek pengarahannya berdasarkan jenis 91





sekolah.

4.14	Ujian-t perbezaan skor min pengurusan guru tahfiz di dalam kelas hafazan bagi aspek penyelarasan berdasarkan jenis sekolah.	92
4.15	Ujian-t perbezaan skor min pengurusan guru tahfiz di dalam kelas hafazan bagi aspek pengawalan berdasarkan jenis sekolah.	93
4.16	Korelasi Antara pengurusan guru tahfiz di dalam kelas hafazan dengan tahap penguasaan hafazan pelajar	95
4.17	Responden Temu Bual	96





SENARAI RAJAH

No Rajah

Muka Surat

1.1	Teori Pengurusan Henry Fayol (1916)	12
1.2	Kerangka Konseptual kajian	14





SENARAI SINGKATAN

AS	‘Alaihissalam
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institut Pengajian Tinggi Swasta
UM	Universiti Malaya
SMKA	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
SPSS	<i>Statistical Package for Social Sciences</i>
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UIAM	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
UiTM	Universiti Teknologi Mara





BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pengenalan

Pengurusan adalah suatu perkara penting dalam menentukan matlamat dan memastikan sesuatu objektif tercapai. Pengurusan dalam Islam adalah satu proses melaksanakan dan menyempurnakan tingkah laku dan kerja berdasarkan fungsi-fungsi pengurusan secara fitrah. Perkara ini hendaklah dilaksanakan bersama-sama organisasi ataupun kumpulan bagi mencapai tujuan *al-falah* iaitu kejayaan di dunia dan di akhirat (Azman Che Omar, 2001)





Pengurusan Islam juga merupakan suatu sistem yang lengkap dan menyeluruh berpandukan Al-Quran dan Sunnah di mana prinsip pengurusan yang jelas, perancangan dan penyusunan yang teratur serta pengawalan yang bersifat menyeluruh dan terperinci untuk mencapai satu hasrat iaitu keredhaan Allah dan bukan hanya tujuan keduniaan semata-mata. Terdapat ayat Al-Quran yang menunjukkan Islam sangat menitikberatkan pengurusan (Mustafa Hj Daud, 1995). Antaranya dalam surah Sajdah ayat 5 :

يُدَبِّرُ الْأَمْرَ مِنَ السَّمَاءِ إِلَى الْأَرْضِ ثُمَّ يَعْرُجُ إِلَيْهِ فِي يَوْمٍ كَانَ
مِقْدَارُهُ أَلْفَ سَنَةٍ مِّمَّا تَعُدُّونَ ﴿٥﴾

Maksudnya : Allah mentadbir (mengurus) makhluk-makhluk-Nya; (bagi melaksanakan tadbir-Nya itu Ia menurunkan segala sebab dan peraturan) dari langit ke bumi. Kemudian diangkat naik kepada pengetahuanNya (segala yang berlaku dari perlaksanaan tadbirNya itu untuk dihakimiNya) pada suatu masa yang (dirasai oleh orang-orang yang bersalah) banyak bilangan tahunnya menurut hitungan masa kamu yang biasa.

(Al-Maraghiy Mustafa, 2001)

Berdasarkan ayat di atas, dapatlah kita fahami bahawa Islam amat mengambil berat mengenai kesempurnaan sesuatu perkara dengan menguruskan alam ini sebaik mungkin. Dalam konteks ayat ini, dapat juga kita fahami bahawa Islam telah menggariskan panduan bagaimana pentadbiran yang sepatutnya dilakukan oleh manusia di atas muka bumi mengikut apa yang telah disarankan oleh Allah di dalam ayat Al-Quran.





Pengurusan dalam pengajaran adalah suatu perkara yang penting dalam bidang pendidikan. Pengurusan adalah suatu perkara yang memberi kesan terhadap sesebuah institusi pendidikan di mana tanggungjawab pihak sekolah dan guru dalam memastikan kecemerlangan pelajar di sekolah dalam aspek sahsiah dan akademik serta agama. Pengurusan pengajaran juga melibatkan guru melalui beberapa proses merancang, mengelola, memimpin pelajar agar pelaksanaan aktiviti pengajaran dapat berjalan dengan lancar (Raedah Amin, 2013). Guru tahfiz memainkan peranan penting dalam memastikan kelancaran aktiviti pengajaran hafazan Al-Quran di dalam bilik darjah. Guru tahfiz juga perlu memastikan semua elemen dalam pengurusan diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran tahfiz Al-Quran agar mencapai matlamat dan objektif yang dikehendaki.



1.2 Latar Belakang Kajian

Pendidikan tahfiz di Malaysia telah bermula sejak kedatangan Islam ke tanah Melayu lagi. Pendidikan ini mula diperkenalkan di surau, masjid dan rumah guru-guru menerusi pendidikan yang tidak formal (Fazlullah Shuib, 1995). Pendidikan ini adalah hasil gandingan mata pelajaran fardhu ain dan fardhu kifayah. Fokus pengajian pada ketika ini adalah mengenal, mengeja dan menghafaz dari awal menggunakan Mukhaddam sehinggalah kepada surah lain di dalam Al-Quran. Pembelajaran ini dilakukan secara berterusan sehingga muncul idea penubuhan pendidikan tahfiz secara formal, tersusun dan sistematik di atas saranan al-Marhum Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra. Idea ini muncul setelah wujud penganjuran Ujian Tilawah Al-Quran peringkat Kebangsaan yang dilaksanakan pada tahun 1960M (Noor Hisham Md Nawati et. al., 2015).





Pendidikan tahfiz secara formal telah dilaksanakan pada tahun 1966M menerusi penubuhan Kelas Pengajian Menghafaz Al-Quran dan ilmu Qiraat yang dikendalikan di bawah Jawatankuasa Tadbir Masjid Negara dan Urusetia Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. Masyarakat semakin memandang tinggi bidang tahfiz ini dan mula membuat permintaan yang tinggi bagi mengembangkan pendidikan tahfiz ini. Akhirnya institusi ini telah dinaiktaraf pada tahun 1972M menjadi Maahad Tahfiz Wal Qiraat dan seterusnya pada tahun 1998M menjadi Darul Quran. Pengajian tahfiz ini juga telah ditambah baik dengan ilmu Islam yang terdiri daripada Qiraat, dakwah, hadis, syariah dan pengurusan halal bagi memperkukuhkan lagi pengajian dalam bidang ini (Solahuddin Ismai, 2016)



Masyarakat mula membuka mata terhadap bidang agama dan hasilnya banyak permintaan ibu bapa yang ingin menghantar anak mereka ke sekolah-sekolah agama dan juga sekolah aliran tahfiz ini. Institusi tahfiz berkembang bagaikan seperti cendawan tumbuh selepas hujan yang menunjukkan permintaan tinggi daripada masyarakat terhadap sekolah tahfiz ini. Institusi tahfiz ini juga menawarkan reka bentuk kurikulum yang menarik dan pelbagai untuk dipilih oleh ibu bapa. Antaranya adalah dengan mewujudkan institusi pengajian tahfiz di peringkat tadika, sekolah rendah dan juga sekolah menengah (Murihah Abdullah et.al. 2015)

Institusi ini dibangunkan dengan penubuhan dan matlamat yang tidak sama antara satu sama lain. Terdapat institusi tahfiz yang hanya menumpukan kepada aspek hafazan semata-mata dan ada juga institusi yang menggabungkan pembelajaran tahfiz dengan akademik, pengajian kitab turath dalam Bahasa Arab, aliran sains, dan juga kemahiran-kemahiran tertentu seperti vokasional. Apa yang menariknya,





kepelbagaian ini mungkin mempunyai justifikasi tersendiri berdasarkan matlamat penubuhan institusi oleh organisasi tertentu. Masyarakat juga tentunya mempunyai banyak pilihan untuk memilih institusi tahfiz yang sesuai berdasarkan matlamat dan objektif mereka yang tersendiri (Solahuddin Ismai, 2016)

Pengurusan institusi tahfiz perlu diambil kira dalam penubuhan sesebuah institusi. Dalam sesebuah institusi juga terdapat guru yang membantu dalam menguruskan aktiviti pengajaran. Guru berperanan penting dalam menghadapi dunia pendidikan yang mencabar hari ini. Guru perlulah bersifat professional yang memiliki pengetahuan dan kemahiran tertentu dalam bidang mereka. Tugas guru pada masa kini bukanlah hanya menfokuskan kepada mengajar semata namun meliputi aspek pengurusan dalam mengendalikan kelas dan menyediakan segala rekod pelajar (Esah Sulaiman, 2003). Begitu juga dalam bidang tahfiz, guru tahfiz berperanan besar dalam memastikan pengurusan kelas dapat diatur dengan sebaiknya bagi melahirkan masyarakat yang berilmu, berdisiplin dan berguna kepada masyarakat.

Namun demikian, kajian Azmil Hashim (2010) menegaskan bahawa pencapaian pelajar masih belum mencapai objektif pendidikan tahfiz yang telah digariskan iaitu menghafaz al-Quran dengan lancar. Hal ini berlarutan sejak awal tahun 2000 apabila kajian Misnan Jemali dan Ahmad Sadadi (2003) mendapati 60% daripada pelajar-pelajar tidak dapat menamatkan hafazan al-Quran mengikut jadual yang telah ditetapkan. Pelajar-pelajar tahfiz juga didapati tidak dapat mencapai pemahaman maksud ayat, hafazan al-Quran dengan mengetahui asbab nuzul dan hafazan al-Quran dengan mengetahui pengajaran ayat. Kelancaran hafazan al-Quran juga masih lemah dan dapat dikesan melalui dapatan ujian syafawi. Apatah lagi,





kemahiran mengeluarkan ayat-ayat tertentu berdasarkan hukum atau *maudhu'* didapati masih lemah. Malang sekali, pencapaian pengekal terhadap hafazan menunjukkan turut berada pada tahap yang lemah (Asraf Ismail 2018).

Oleh itu, amalan pengurusan pengajaran guru sangat penting terhadap pencapaian pelajar. Kajian Misnan Jemali dan Ahmad Sadadi (2003) mendapati kelemahan dalam pencapaian hafazan pelajar dikenal pasti berpunca daripada kurangnya strategi, teknik dan motivasi yang diaplikasi oleh guru di dalam kelas. Oleh itu, kajian ini penting bagi mengetahui tahap pengurusan guru tahfiz di sekolah kerajaan dan swasta agar dapat memperbaiki kelemahan yang ada.

1.3 Pernyataan Masalah



Pendidikan tahfiz dilihat sangat berkembang di Malaysia di mana kemunculan sekolah tahfiz kerajaan dan sekolah tahfiz swasta bagai cendawan tumbuh. Pengurusan adalah berkenaan dengan adanya satu organisasi yang bersama-sama dalam membangunkan sesuatu agar dapat mencapai matlamat dan objektif yang diharapkan.

Sistem persekolahan tahfiz memerlukan kepada pengurusan yang terbaik agar dapat menjamin kualiti pembelajaran di sekolah. Pengetua merupakan tonggak utama pengurusan di sekolah dalam memimpin dan mengawal segala gerak kerja guru dan warga sekolah. Di bawahnya terdapat guru-guru yang bertanggungjawab untuk mengawal keadaan pelajar dan juga persekitaran bilik darjah. Namun, terdapat masalah dari segi pengurusan kawalan terhadap guru di mana tiada mekanisma atau





kawalan tertentu untuk memastikan guru keluar dan masuk ke kelas tepat pada waktunya. Ketiadaan mekanisme atau kawalan keluar masuk guru ini menyebabkan terdapat segelintir guru mengambil kesempatan lewat masuk ke kelas dan melengahkan pengajaran dan pembelajaran mereka. (Raedah Amin, 2013) Hal ini menunjukkan kelemahan pengurusan dari sudut perancangan masa guru yang akan mengakibatkan proses pengajaran dan pembelajaran terganggu.

Seterusnya, guru juga perlu merancang jadual pelajar tahfiz dengan sistematik dan tersusun agar pelajar dapat mengatur masa mereka dengan baik. Menurut Mardhiah (2017) menyatakan bahawa pelajar yang tidak dapat menghabiskan muqarrar Al-Quran adalah kerana berpunca daripada masa yang padat dan pelajar tidak dapat mengatur masa dengan baik. Dapatan kajian ini juga selari dengan kajian oleh Abdul Hafiz (2005) yang menegaskan bahawa pihak pentadbir perlulah meneliti pembahagian masa pelajar tahfiz agar pelajar dapat membahagikan masa antara menghafaz dan waktu akademik mereka dengan baik. Hal ini memerlukan penelitian semula oleh guru berkaitan dengan jadual waktu tasmik dan waktu-waktu yang berkaitan dengan hafazan Al-Quran pelajar.

Seterusnya, dalam pengurusan, guru tahfiz perlulah merancang kaedah dan teknik pengajaran yang berkesan bagi memastikan pelajar dapat mengekalkan hafazan mereka dalam tempoh masa yang lama. Namun, menurut Zulkifle Ali (2013) menyatakan bahawa perkara yang selalu dilaksanakan dan menjadi amalan dalam tahfiz seperti talaqqi, ujian mingguan, penulisan ayat, pemahaman ayat kurang diaplikasikan oleh guru. Penggunaan bahan bantu mengajar juga kurang dipraktikkan





oleh guru dalam pengajaran tahfiz. Oleh itu, guru perlu pandai mengurus kandungan pengajaran mereka agar dapat mencapai objektif sesuatu pengajaran.

Selain itu, penggunaan teknologi dapat membantu guru dalam memimpin pelajar untuk menggunakan bahan bantu mengajar berasaskan teknologi. Begitu juga dalam pengajaran tahfiz, guru tahfiz juga perlu menggunakan teknologi agar tidak ketinggalan dengan dunia yang semakin membangun. Terdapat pelbagai perisian yang menarik telah dibangunkan bagi menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih pantas dan efisien berbanding dengan kaedah secara tradisional. Namun, dalam pembelajaran tahfiz, masih terdapat guru yang menggunakan kaedah tradisional (Mohamad Marzuqi, 2008). Perkara ini menunjukkan kelemahan guru dalam mengelola dan memimpin kelas hafazan agar kelihatan lebih menarik.



Pengurusan fizikal bilik darjah penting kerana bukan sahaja melibatkan tugas mengurus aktiviti pengajaran dan pembelajaran tetapi melibatkan aktiviti mengatur reka letak fizikal serta mewujudkan komunikasi serta interaksi di kalangan pelajar dan guru. Guru bertanggungjawab menyediakan persekitaran fizikal bilik darjah yang efektif bagi membantu perkembangan murid dalam pembelajaran (Syed Ismail & Ahmad Subki, 2010). Namun menurut Hasfarina (2012) menyatakan bahawa guru berhadapan dengan masalah penyediaan fizikal bilik darjah yang kondusif untuk pengajaran dan pembelajaran pelajar. Walaupun proses pengajaran dapat disempurnakan oleh guru, namun hasil pembelajaran tidak mencapai tahap maksimum akibat gangguan atau halangan yang timbul akibat pengurusan bilik darjah yang tidak teratur dan sistematik.



1.4 Objektif Kajian

- 1.4.1 Mengenal pasti pengurusan guru tahfiz di dalam kelas hafazan berdasarkan persepsi pelajar.
- 1.4.2 Mengenal pasti tahap penguasaan hafazan pelajar tahfiz di sekolah.
- 1.4.3 Menilai perbezaan pengurusan guru tahfiz di dalam kelas hafazan berdasarkan jenis sekolah.
- 1.4.4 Mengkaji hubungan pengurusan guru tahfiz di dalam kelas hafazan dengan penguasaan hafazan pelajar

1.5 Persoalan Kajian

- 1.5.1 Apakah pengurusan guru tahfiz di dalam kelas hafazan berdasarkan persepsi pelajar?
- 1.5.2 Apakah penguasaan hafazan pelajar tahfiz di sekolah?
- 1.5.3 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pengurusan guru tahfiz di dalam kelas hafazan berdasarkan jenis sekolah?
- 1.5.4 Adakah terdapat hubungan yang signifikan di pengurusan guru tahfiz di dalam kelas hafazan dengan penguasaan hafazan pelajar?



1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian merupakan jangkaan awal bagi kajian yang akan dilaksanakan. Hipotesis ini akan dibuktikan dengan analisis inferensi terhadap data-data yang diperoleh. Terdapat beberapa jenis hipotesis yang sering digunakan dalam penyelidikan. Namun, kajian ini hanya menggunakan hipotesis Nul. Berikut merupakan hipotesis kajian ini :

Soalan Kajian 3 :

H_{01} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min pengurusan guru tahfiz di dalam kelas hafazan bagi aspek perancangan berdasarkan jenis sekolah.

H_{02} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min pengurusan guru tahfiz di dalam kelas hafazan bagi aspek pengelolaan berdasarkan jenis sekolah.

H_{03} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min pengurusan guru tahfiz di dalam kelas hafazan bagi aspek pengarahan berdasarkan jenis sekolah.

H_{04} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min pengurusan guru tahfiz di dalam kelas hafazan bagi aspek penyelarasan berdasarkan jenis sekolah.

H_{05} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min pengurusan guru tahfiz di dalam kelas hafazan bagi aspek pengawalan berdasarkan jenis sekolah.




**Soalan Kajian 4 :**

H_{06} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan bagi skor min pengurusan guru tahfiz di dalam kelas hafazan dengan penguasaan hafazan pelajar



1.7 Kerangka Teori Kajian




Rajah 1.1 Teori Pengurusan Henry Fayol (1916)

Teori yang digunakan dalam kajian ini adalah teori daripada Henry Fayol. Beliau menyatakan bahawa terdapat 5 fungsi pengurusan yang terdiri daripada merancang, mengelola, mengarah, menyelaras dan mengawal. Teori pengurusan ini menggariskan lima elemen yang terdapat dalam pengurusan. Elemen perancangan merupakan elemen yang penting sebelum melakukan sesuatu gerak kerja. Perancangan adalah meliputi perancangan jangka masa pendek dan panjang dan juga berfungsi sebagai panduan dalam menentukan tindakan yang akan dilakukan bagi mencapai matlamat dan objektif.

Kemudian, pengelolaan pula adalah sekelompok masyarakat yang menjalankan tanggungjawab dalam mengagihkan kerja, mengkhususkan kerja, memastikan kerja yang dibuat dalam keadaan tersusun dan teratur. Aspek pengarahan pula mementingkan kepimpinan dalam menguruskan organisasi agar perkara yang dilakukan dapat diurus dengan sebaiknya. Kemudian penyelarasan pula memfokuskan tentang cara untuk menyelaraskan aktiviti bagi melicinkan dan meningkatkan mutu pentadbiran. Ia jua adalah bagi membentuk kerjasama bagi mencapai matlamat dan tujuan. Akhir sekali, aspek pengawalan yang memainkan peranan penting dalam membuat satu peraturan bagi mengelakkan berlakunya pemesongan dalam organisisasi. Teori yang digunakan menjadi sandaran bagi kajian yang dilakukan dan lima elemen pengurusan ini digunakan sebagai konstruk bagi soal selidik yang dibina

1.8 Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1.2 : Kerangka Konseptual kajian



1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan adalah untuk kepentingan berikut :

- i. Dapatan kajian kajian ini penting bagi memberikan panduan terhadap pihak institusi tahfiz agar menambah baik pengurusan dan membuat persediaan pengajaran dalam usaha mewujudkan pengurusan yang cemerlang bagi mempertingkatkan lagi kecemerlangan pelajar.
- ii. Kajian ini penting kepada pengurus institusi pendidikan tahfiz al-Quran bagi menilai menilai kembali jadual, pengawalan keluar masuk guru ke kelas bagi menambahbaik aspek pengurusan masa guru. .
- iii. Mengenal pasti masalah-masalah pengurusan pengajaran guru sama ada masalah tersebut dari pihak pelajar, guru atau pengurusan pihak atasan itu sendiri. Apabila masalah dapat dikenal pasti, akan ada penambahbaikan yang perlu dibuat.

1.10 Limitasi Kajian

Kajian ini secara keseluruhannya terbatas kepada perkara-perkara berikut :

Fokus kajian

Kajian ini memfokuskan kepada Pengurusan Guru Tahfiz dalam Pengajaran Hafazan Al-Quran : Kajian di Sekolah Tahfiz Kerajaan dan Swasta di Negeri Sembilan.





Lokasi dan jenis sekolah

Kajian ini dilakukan di dua buah sekolah tahfiz kerajaan dan juga dua buah sekolah tahfiz swasta di Negeri Sembilan. Kajian ini hanya terbatas kepada pelajar dan guru tahfiz di sekolah tersebut.

Sampel kajian

Kajian ini hanya melibatkan beberapa orang guru tahfiz setiap sekolah dan pelajar tingkatan 2 dan 4 bagi sekolah tahfiz kerajaan dan swasta.

Secara keseluruhannya, keputusan kajian ini kesemuanya adalah bergantung terhadap jawapan yang akan diberikan oleh responden dan juga prosedur statistik yang diaplikasikan. Ketepatan dan keesahan kesempurnaan ini adalah bergantung kepada keesahan instrumen kajian yang telah digunakan.



1.11 Definisi Operasi Kajian

Pengurusan Guru Tahfiz

Pengurusan guru tahfiz meliputi aspek perancangan, pengelolaan, pengarahan, penyelarasan dan pengawalan. Tugas guru tahfiz di sekolah banyak meliputi pengurusan dari sudut perancangan masa, aktiviti pengajaran, dan bahan pengajaran. Guru tahfiz juga memainkan peranan dalam menyediakan persekitaran yang baik serta kondusif untuk pelajar tahfiz menghafaz al-Quran. Seterusnya, guru tahfiz juga perlu pandai memimpin dan membantu pelajar dalam pengajaran tahfiz. Guru tahfiz perlu mengarahkan pelajar di dalam kelas agar menumpukan lebih perhatian kepada hafazan al-Quran mereka. Guru juga perlu memberi bimbingan kepada pelajar yang





lemah dalam hafazan agar mereka tidak ketinggalan. Guru tahfiz bertanggungjawab dalam menguruskan aktiviti pembelajaran pelajar (Raedah Md Amin, 2013)

Guru perlu memastikan perjalanan kelas berada dalam keadaan yang terkawal. Sikap pelajar dan kelakuan pelajar mestilah berada dalam keadaan yang baik agar sesi pengajaran dapat berjalan dengan lancar. Kegagalan guru menguruskan pelajar menyebabkan guru dianggap kurang kompetendan tidak mengaplikasikan elemen pengurusan dalam pengajaran mereka. Oleh itu, pengurusan guru sangat penting dalam memastikan suasana pembelajaran dapat dikawal dengan baik (James Ang Jit Eng, 2014) Antara perkara penting dalam menguruskan pelajar ialah, guru tahfiz juga seharusnya mampu menerapkan kaedah hafazan yang sesuai kepada pelajar. Keberadaan guru seharusnya mampu mengasah fikiran, serta menghidupkan akal dan semangat kepada pelajar dalam menghafaz al-Quran (Murihah Abdullah, 2018)

Pengajaran Hafazan

Pengajaran adalah merupakan satu perkara yang dilakukan oleh guru bersama dengan pelajarinya di dalam aktiviti tertentu sama ada di luar kelas mahupun di dalam kelas. Pengajaran memerlukan kaedah, teknik mengajar yang bersesuaian dengan membimbing pelajar, memberi galakan dan motivasi terhadap pelajar agar mereka berminat terhadap sesuatu pembelajaran. Pengajaran juga memerlukan kepada perancangan yang rapi sebelum memulakan pengajaran. Guru yang berusaha mengajar pelajar dengan semangat yang gigih serta sabar mampu melahirkan pelajar yang cemerlang dalam pelajaran mereka (Noor Hisham Md Nawi, 2011)

Pengajaran hafazan dalam kajian ini adalah bagaimana guru tahfiz menggunakan kaedah-kaedah pengajaran bagi memastikan apa yang disampaikan





oleh guru dapat difahami oleh pelajar. Guru tahfiz juga perlu mempelbagaikan teknik pengajaran agar pelajar tidak mudah bosan dan jemu apabila berada di dalam kelas. Pelbagai kaedah dan teknik pembelajaran tahfiz yang boleh diaplikasikan oleh pelajar. Menurut Misnan Jemali dan Ahmad Sadadi Hafidz (2003) pula hafazan adalah satu aktiviti yang banyak melibatkan ingatan dalam pengajaran dan pembelajaran secara langsung. Dalam kajian ini, hafazan merupakan kaedah pembelajaran pelajar tahfiz yang terdiri daripada pelbagai kaedah dan teknik antaranya talaqqi tasmik, dan banyak lagi. Pelajar tahfiz perlu menghafaz ayat-ayat Al-Quran mengikut sukatan yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah.

Al-Quran

Al-Quran merupakan kitab suci yang diturunkan oleh Allah kepada Nabi Muhammad melalui perantaraan malaikat Jibril. Al-Quran menjadi sumber primer bagi seluruh umat Islam dan digunakan sebagai sumber perundangan Islam yang utama. Pelbagai jenis ilmu yang terdapat di dalam Al-Quran yang perlu dimanfaatkan oleh umat Islam untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat kelak (Abdul Hafiz Abdullah, 2005) Dalam konteks ini, Al-Quran digunakan untuk pelajar tahfiz menghafaz dan mengulang bacaan mereka. Guru juga menggunakan Al-Quran untuk menyemak bacaan pelajar.

1.12 Rumusan

Kajian ini merupakan antara usaha untuk menyelidiki berkenaan dengan pengurusan guru tahfiz dalam pengajaran di sekolah. Kajian ini juga membincangkan tentang andaian – andaian asas yang membawa kepada keperluan untuk menjalankan kajian





iaitu untuk mengenal pasti pengurusan guru tahfiz di dalam kelas hafazan, tahap penguasaan hafazan pelajar tahfiz, perbezaan peranan guru berdasarkan jenis sekolah dan juga hubungan di antara peranan guru tahfiz dengan tahap penguasaan hafazan pelajar tahfiz.

